

Kepada pelajar yang dikasihi dan dirahmati Allah, hari : 🎓👤
ini kita belajar buat ayat bahasa arab

. pada jam 11.00 - 11.45, baca nota yang diberikan 📖

jam 11.45- 12.15, jawab soalan yang diberikan dalam masa 🕒
30 minit

jam 12.15 , semak jawapan yang dijawab dengan jawapan 📄
.yang akan diberikan

Terima kasih kepada ibu bapa / penjaga atas kerjasama yang *
.diberikan



Tips Bina Ayat Berpandukan Kalimah & Ungkapan

Untuk membina ayat dengan betul pelajar hendaklah mengetahui maksud kalimah atau ungkapan yang diberikan. Pelajar hendaklah mengingati kosa kata sebanyak mungkin untuk membina ayat dengan mudah.

- Baca dan fahami maksud kalimah atau ungkapan yang diberikan.
- Kenal pasti ungkapan yang diberikan sama ada kata nama atau kata kerja.

Bina Ayat Menggunakan Kata Nama

Sekiranya kata nama, bina ayat yang sesuai dengan maksud ungkapan tersebut. Contoh المَلْعَبُ (Padang).

Pelajar boleh bina ayat menggunakan dua cara, iaitu :

1) Jumlah Ismiyyah

- Masukkan sifat yang sesuai dengan kalimah yang diberikan sebagai khabar. Masukkan sifat kata nama tersebut sebagai khabar (predikat) dan ia hendaklah ism nakirah (tiada alif lam) seperti :

(padang itu luas) المَلْعَبُ واسع

- Masukkan khabar syibh al-jumlah iaitu huruf jar atau zorf.

Seperti :

(Terdapat padang di sekolah) المَلْعَبُ في المدرسة

2) Jumlah Fi'liyyah

- a) Letakkan kata kerja yang sesuai dengan kalimah yang diberikan serta masukkan pelengkap ayat yang sesuai agar menjadi ayat lengkap. Seperti :

يَلْعَبُ الطَّالِبُ كُرَةَ الْقَدَمِ فِي الْمَلْعَبِ
(pelajar bermain bola sepak di padang)

Bina Ayat Menggunakan Kata Kerja

Sekiranya ungkapan yang diberikan ialah kata kerja (fe'el), pelajar hendaklah membina ayat sesuai dengan maknanya, seperti قَدَّمَ (memberikan).

- Masukkan kata nama yang sesuai di awal ayat. Sesuaikan dengan fe'el sama ada مذكر atau مؤنث.
- Masukkan pelengkap ayat yang munasabah, seperti :
(Bapa memberi wang) قَدَّمَ الْأَبُ النُّقُودَ
- Bina ayat mudah dan ringkas.
- Perbanyakkan latihan untuk kemahiran bina ayat.
- Jangan tinggal kosong.

Tips Bina Ayat Berpandukan Perkataan Yang Diberikan

- ✚ Pelajar mesti mengetahui maksud kalimah yang diberikan untuk membina ayat dengan betul.

Sekiranya kalimah yang diberikan ialah kata nama (الاسم), bina ayat sama ada jumlah fi'liyyah atau ismiyyah [Rujuk tips yang lepas].

Contoh: المخيم

الجملة الفعلية	الجملة الاسمية
أَقَامَتِ الْمَدْرَسَةُ الْمُخَيَّمَ (Sekolah Mengadakan Perkhemahan)	الْمُخَيَّمُ مُمْتَعٌ (Perkhemahan itu menyenangkan)

- ✚ Sekiranya kalimah yang diberikan ialah kata kerja (الفاعل), masukkan pelaku (فاعل) dan pelengkap ayat. Sesuaikan فعل dan فاعل dari segi muzakkar dan muannas. Elakkan sengaja menggunakan pelaku muannas agar tidak tersalah dari segi qawaid.
- ✚ Sekiranya kalimah yang diberikan adalah kata sifat (adjektif), jadikan kalimah tersebut sebagai khabar seperti :

الْمَدْرَسَةُ جَمِيلَةٌ الزِّيَارَةُ مُمْتَعَةٌ

- ✚ Sekiranya kalimah yang diberikan adalah kata nama, masukkan khabar kalimah berikut sekiranya sesuai dengan maksud ayat. Iaitu kalimah مهم (penting) atau مفيد (berfaedah). Contoh :

القِرَاءَةُ مُفِيدَةٌ فِي الْحَيَاةِ الْفَوَاصِلَاتُ مُهِمَّةٌ فِي الْحَيَاةِ

- ✚ Guna kata يُحِبُّ (saya suka), يُفَضِّلُ (gemar) bagi kata nama yang sesuai dengan ayat seperti :

يُحِبُّ الطَّالِبُ الزِّيَارَةَ الْعِلْمِيَّةَ يُفَضِّلُ السَّائِحُ السِّيَاحَةَ

- ✚ Gunakan ayat mudah seperti خبر شبه الجملة sekiranya kalimah yang diberikan sesuai dengan ayat seperti :

السِّيَارَةُ أَمَامَ النَّبْتِ الْمُتَحَلِّاتُ الْبِجَارِيَّةُ فِي الْحَدِيثِ

- ✚ Elakkan bina ayat bentuk sama berulang kali untuk mengelakkan dipotong markah.

- ✚ Elakkan bina ayat terlalu panjang agar tiada banyak kesalahan ejaan dan qawaid.
- ✚ Elakkan penggunaan kata nama lima (الأسماء الخمسة) kerana perubahan alamat i'rabnya akan menyebabkan salah qawaid.

(ب) تَرْجِمُ الْعِبَارَاتِ الْآتِيَةَ إِلَى اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ.

Itu guru (L) saya.

Guru saya baik.

Dia di dalam kelas.

Dia memadam papan hitam.

